



"Kami sangat kecewa dan kami rasa ini (kempen antiminyak sawit) sebenarnya bukanlah kerana minyak sawit berbahaya kepada kesihatan, tetapi lebih kepada persaingan dalam perdagangan minyak makanan."

Dr Mahathir
Mohamad
Perdana Menteri

Isu kempen antiminyak sawit

Malaysia, Indonesia pertimbang heret EU ke ICJ

Kempen negatif komoditi di Eropah tak tunjuk tanda reda: Dr M

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia dan Indonesia sedang mempertimbangkan untuk mengheret Kesatuan Eropah (EU) ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) susulan kempen antiminyak sawit yang dilihat semakin meningkat di negara kesatuan itu.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kedua-dua negara bimbang dan menzahirkan rasa kecewa terhadap kempen negatif komoditi itu di Eropah, yang sehingga kini tidak menunjukkan tanda reda.

"Kami sangat kecewa dan kami rasa ini (kempen antiminyak sawit) sebenarnya bukanlah kerana minyak sawit berbahaya kepada kesihatan, tetapi lebih kepada persaingan dalam perdagangan minyak makan.

"(Jadi) Malaysia dan Indonesia 'sedang memikirkan' isu ini untuk (dirujuk) ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague," katanya pada temu bual eksklusif bersama *Nikkei Asian*, yang disiarkan kelmarin.

Presiden Indonesia, Joko Widodo yang mengadakan lawatan rasmi dua harinya ke Malaysia, awal bulan ini turut menyentuh isu perdagangan sawit ke Eropah dalam topik perbincangan mereka.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, berikutan kempen negatif itu menyentuh mengenai dagangan dunia, justeru perkara yang perlu diberi keutamaan adalah melihat amalan dagangan itu terlebih dulu.

"Sekiranya ia melanggar mana-mana undang-undang antarabangsa, sudah pasti kita akan membawanya ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, dua negara berjiran juga bersetuju meningkatkan kerjasama dua hala bagi menangani serangan publisiti negatif di EU terhadap penggunaan minyak sawit.

Namun, beliau berkata, ada sedikit peningkatan sentimen dalam kalangan penduduk Eropah terhadap minyak sawit yang di-

dorong oleh pelbagai aktiviti promosi dijalankan oleh agensi minyak sawit Malaysia sebelum ini.

"Terdapat sebahagian maklum balas terhadap kempen ini dan sekiranya maklum balas ini jadi kenyataan dan meningkatkan kesedaran tentang keperluan masyarakat Eropah untuk tidak mendiskriminasi kelapa sawit, idea untuk memboikotnya tidak akan dilakukan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, sukar untuk memenuhi tahap 100 peratus ladang sawit mendapat pensijilan Minyak Sawit Mampu Malaysia (MSPO) dalam tempoh empat bulan akan datang.

"Kami masih mempunyai 58 peratus untuk lengkapkannya dan tempoh sehingga akhir tahun adalah terhad, mungkin kami tidak capai 100 peratus tapi kami akan berusaha keras," katanya.

Pensijilan MSPO berkait amalan perladangan terbaik untuk menjamin kelestarian terhadap alam sekitar dan pemeliharaan hutan.

Setakat Jun lalu, hanya 42 peratus daripada jumlah keseluruhan 5.85 juta hektar ladang sawit sudah mendapat pensijilan MSPO.